

Sanzi Jing: Syair Asuhan Anak-Anak Cina

WANG YING-LIN

PENGANTAR

Sanzi Jing secara harafiah bermaksud *Kitab Tiga Kata Seayat* dalam bahasa Cina, dan telah diterjemahkan dalam bahasa Inggeris sebagai *Three-Character Classic*, dan *The Trimetric Classic*. Saya telah menterjemahnya sebagai *Syair Asuhan Untuk Anak-Anak Cina* sesuai dengan fungsi dan kedudukannya sebagai karya asuhan kanak-kanak sepanjang sejarah pendidikan China, sekaligus salah sebuah daripada khazanah bacaan kanak-kanak sedunia yang diiktiraf hari ini oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Kemasyhuran karya ini lebih menyerlah apabila penterjemahan bahasa Melayu-Indonesia buat kali pertama, sepanjang pengetahuan saya, telah diusahakan oleh Majelis Tinggi Agama Khonghucu Indonesia pada tahun 2005 dengan tajuknya *Kitab Trikata*.

Sejak dikarang oleh Wang Yinglin (1223-1296), karya ini telah mengalami banyak penokoktambahan dari masa ke masa. Naskah terawal hanya berupa sebuah karya sebanyak 384 ayat dengan 1,152 perkataan, sedangkan terjemahan yang saya lakukan ini sudah mempunyai 412 ayat dengan 1,236 perkataan. Perbezaan utama antara kedua-dua naskah awal dan terjemahan ini adalah Wang yang meninggal dunia pada tahun 1296 itu tidak sempat mengungkapkan sejarah China yang sudah ditokok orang terkemudian sehingga tahun ke 1911, iaitu dari ayat 066 hingga 073, manakala saya sendiri telah melanjutkan lagi sejarah ini sampai kedatangan orang Cina di kepulauan Melayu-Indonesia dari ayat 074 hingga 079. Dengan penokoktambahan ini, isi kandungan *Sanzi Jing* versi terjemahan Melayu ini sudah menurut pecahan-pecahan yang disenaraikan di bawah ini:

- Ayat 001-010 Peri pentingnya asuhan dan pendidikan kanak-kanak
- Ayat 011-027 Maklumat-maklumat umum alam dan masyarakat
- Ayat 028-044 Pengenalan umum tentang kitab-kitab asuhan iaitu klasik-klasik China
- Ayat 045-079 Sejarah China dan Nusantara
- Ayat 080-103 Nasihat-nasihat dan contoh-contoh baik yang wajar dituruti

Seperkara yang perlu dijelaskan di sini ialah penterjemahan versi bahasa Melayu ini. Yang pertama ialah bentuk asal *Sanzi Jing* yang berima itu telah saya ikuti menurut bentuk syair dalam bahasa Melayu, sekaligus membezakannya daripada terjemahan yang sedia ada dalam bentuk bukan berima, termasuk bahasa Indonesia yang telah disebutkan tadi. Yang lain adalah

mengenai isi *Sanzi Jing* yang banyak menyentuh nama orang, tempat, dinasti, buku dan sebagainya, maka telah saya transliterasikan tanpa penjelasan (kerana bentuk syair tidak mengizinkannya, dan juga kerana yang perlu dijelaskan itu bukan sedikit bilangannya) yang sudah tentu akan menjejaskan kebolehbacaan penterjemahan ini. Namun, buat masa sekarang, *Sanzi Jing: Syair Asuhan Anak-Anak Cina* inilah yang dapat saya persembahkan untuk tatapan umum.

TEKS TERJEMAHAN

- | | |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 001. 人之初 性本善 性相近 习相远
Peri mana manusia bermula?
Asal pekerti baik berbela
Dari mana manusia tidak sehalu?
Asuh didik punca segala-gala | 006. 子不学 非所宜 幼不学 老何为
Belajar entah-berentah ayuhai
Dari adab tiadanya sesuai
Sekecil budak sudah melalai
Sampai menua apalah pandai? |
| 002. 苟不教 性乃迁 教之道 贵以专
Diasuh tidak diajar tiada
Sebaik pekerti nescaya pinda
Tata asuh apalah tanda
Bersungguh ia sepanjang dada | 007. 玉不琢 不成器 人不学 不知义
Batu bila tidak dirata
Tidak sampai menjadi permata
Orang bila tidak ditata
Tidak sampai menjadi pendita |
| 003. 昔孟母 择邻处 子不学 断机杼
Bonda Mengzi empunya cerita
Sebaik asuh dipindah merata
Si anak tiada ia bertata
Putuskan tenun itulah kata | 008. 为人子 方少时 亲师友 习礼仪
Dari mana si anak bersiap?
Sekecil budak dibawa garap
Dengan guru kawan ia berharap
Dengan adat ibadat ia menatap |
| 004. 窦燕山 有义方 教五子 名俱扬
Ada khabar Dou Yangshan
Pandai asuh caranya berkesan
Diajar anak lima kelakian
Sama masyhur namanya mengawan | 009. 香九龄 能温席 孝于亲 所当执
Bagai Huangxiang berumur sembilan
Tikar bapa ia tahu suamkan
Hendak berbakti orang bertuaan
Ini amal yang patut dicontohkan |
| 005. 养不教 父之过 教不严 师之惰
Menyusu ya mendidik tidak
Salah bapa orang katakan
Mengajar ya mengawas tidak
Malas cikgu orang sebutkan | 010. 融四岁 能让梨 弟于长 宜先知
Khabar Kongrong berusia empat
Berikan pear ia tahu tempat
Kepada abang kakak hendaklah
hormat
Ini ajar perlu diingat |

011. 首孝弟 次见闻 知某数 识某文
Utamakan amal bakti berhormat
Kemudian ilmu segala maklumat
Tata kira hendaklah amat
Tata bahasa dibawa hemat
012. 一而十 十而百 百而千 千而万
Satu itu pangkal puluhan
Puluh itu pangkal ratusan
Ratus itu pangkal ribuan
Ribu itu pangkal tidak keterhinggaan
013. 三才者 天地人 三光者 日月星
Tiga berbakat apalah saran?
Langit, bumi, manusia kirakan
Tiga bersinar manalah padan?
Suria, bintang dan jua bulan
014. 三纲者 君臣义 父子亲 夫妇顺
Rukun manusia tiga bersandang
Raja sahaya terang-menerang
Bapa anak sayang-menyayang
Kepada suami isteri ia sumbang-
menyumbang
015. 曰春夏 曰秋冬 此四时 运不穷
Ada bunga ada yang panas
Luruh dingin datang melekas
Musim empat usahlah bahas
Gilir-mengilir tiada ia bekas
016. 曰南北 曰西东 此四方 应乎中
Utara Selatan satu sepasang
Timur Barat saling mengundang
Keempat hala jangan dikurang
Kepada Tengah mereka bertiang
017. 曰水火 木金土 此五行 本乎数
Kayu, api dan air
Logam tanah bergilir
Lima unsur inilah butir
Olah alam orang mentafsir
018. 曰仁义 礼智信 此五常 不容紊
Peri Wajar dan Kemanusiaan
Berakal, Budi dan Kebolehpercayaan
Lima Amal nan berkekalan
Dikacau tidak dibalau jangan
019. 稻粱菽 麦黍稷 此六谷 人所食
Kacang, sekoi dan padi
Jagung, jawawut dan barli
Ini jenis enam berbiji
Dimakan manusia sehari-hari
020. 马牛羊 鸡犬豕 此六畜 人所饲
Kuda, lembu dan kambing
Ayam, babi dan anjing
Enam ternakan nan seiring
Dibela manusia berpaling-paling
021. 曰喜怒 曰哀惧 爱恶欲 七情具
Suka murka selawan
Sedih takut hampakan
Benci sayang dan inginan
Tujuh perasaan manusia tampilkan
022. 匏土革 木石金 与丝竹 乃八音
Labu, tanah, kulit bernada
Kayu, batu, logam tidak sesvara
Sutera, buluh jangankan sama
Delapan bunyi inilah beza
023. 高曾祖 父而身 身而子 子而孙
Buyut, moyang dan datuk
Bapa diri lima berbentuk
Kepada siapa bakal disuntut?
Anak cucu kita beruntuk
024. 自子孙 至玄曾 乃九族 人之伦
Ada waris anak bercucu
Cicit ciak dua mengacu
Sembilan zuriat sudah menyebu
Tali keluarga semuanya ampu

025. 父子恩 夫妇从 兄则友 弟则恭
Bapa anak berjasa
Suami isteri sekata
Tata abang hendaklah bermesra
Tata adik hendaklah mengharga
026. 长幼序 友与朋 君则敬 臣则忠
Besar kecil mengatur
Rakan sahabat mencampur
Tata raja ia mengakur
Tata sahaya ia memujur
027. 此十义 人所同 系社稷 世所宗
Sepuluh watak ini namanya
Disandang orang tiada bezanya
Tali masyarakat tali sayugianya
Dijunjung warga sekalian alamnya
028. 凡训蒙 须讲究 详训诂 明句读
Peri anak persekolahan
Hendak ia dituntutamatkan
Kepada erti kata ia jelaskan
Kepada tata baca ia nyatakan
029. 为学者 必有初 小学终 至四书
Dinda ayuhai sekalian ingat
Berusaha biarlah bermula tempat
Dari erti baca ia tamat
Menelus hingga *Kitab Berempat*
030. 论语者 二十篇 群弟子 记善言
Lunyu nan kitab pertama
Dua puluh bab ada bersama
Dengan murid iringan utama
Ujar Kongzi dibuat berlama
031. 孟子者 七篇止 讲道德 说仁义
Kitab *Mengzi* kitab kedua
Tujuh surah ada kesemua
Baik pekerti manalah bersua
Kesian Wajar itulah petua
032. 作中庸 子思笔 中不偏 庸不易
Kitab *Zhongyong* siapa mengarang
Kepada Zisi ramai membilang
Ke Tengah jangan ia silang
Ke Sederhana jangan ia simpang
033. 作大学 乃曾子 自修齐 至平治
Kitab *Daxue* kitab akhiri
Nama Cengzi teramat peri
Bermula santun keluarga diri
Hingga negara sealam ia takbiri
034. 孝经通 四书熟 如六经 始可读
Faham *Xiaojing* kian bernikmat
Selesai sudah *Kitab Berempat*
Hendak ia ilmu meningkat
Kitab Berenam itulah tempat
035. 诗书易 礼春秋 号六经 当讲求
Shi, Shu dan *Kitab Yi*
Li, Chungqiu dan *Yue* tersunyi
Kitab Berenam inilah bunyi
Cermat mengamat jangan
disembunyi
036. 有连山 有归藏 有周易 三易详
Lianshan kitab bergunung
Guizhang bumi mendukung
Zhouyi langit dijunjung
Tiga *Yi* hendaklah menenung
037. 有典谟 有训诂 有誓命 书之奥
Dian Mou sama mengisah
Xun Gao Tuanku bertitah
Shi Ming jihad berwatikah
Kitab *Shu* kandungannya payah
038. 我周公 作周礼 著六官 存治体
Siapa Zhougong nan mengagung
Pengarang *Zhouli* teramat ulung
Enam Menteri tiada ia bingung
Tata negara dibawa junjung

039. 大小戴 注礼记 述圣言 礼乐备
Ada Dai akbar bersaghir
Kepada *Liji* mereka mentafsir
Ujar guru banyak dibutir
Peri adat lengkap memzahir
040. 曰国风 曰雅颂 号四诗 当讽咏
Guofeng rakyat lagukan
Ya Song nyanyian atasan
Kitab *Shi* empat bahagian
Hendak dibaca bersungguh-
sungguhan
041. 诗既亡 春秋作 寓褒贬 别善恶
Tiada *Shi* ia sinambungkan
Kepada *Chungqiu* ia dikitabkan
Puji cela ia siratkan
Baik buruk ia mengasingkan
042. 三传者 有公羊 有左氏 有穀梁
Tafsir *Chungqiu* ada bertiga
Gongyang itu dalam berkata
Zuoshi kan lebih berfakta
Kepada *Guliang* ia berantara
043. 经既明 方读子 撮其要 记其事
Faham nan segala Kitab
Kepada Pujangga ia tatap
Sari Kitab ada diungkap
Inti jadi banyak tertangkap
044. 五子者 有荀杨 文中子 及老庄
Termasyhur nan Lima Pujangga
Xunzi, Yangxiong tampil pertama
Wenzhongzi itu orang ketiga
Laozi, Zhuangzi genap berlima
045. 经子通 读诸史 考世系 知终始
Kitab Pujangga dua syuhadah
Tatap ia sekalian Sejarah
Dengan zaman lagi silsilah
Tahu akan datang menyudah
046. 自羲农 至黄帝 号三皇 居上世
Dari Fuxi sampai ke Shennong
Hingga Huangdi orang termenung
Tiga Maharaja barang disinggung
Purba kala kononnya mengagung
047. 唐有虞 号二帝 相揖逊 称盛世
Yao Shun empunya khabar
Dua Maharaja teramat sabar
Kepada takhta saling membiar-biar
Ke bawah duli maha akbar
048. 夏有禹 商有汤 周文武 称三王
Tiga Maharaja nan menyata
Kepada Xia Maharaja Yu mengetua
Kepada Shang Maharaja Tang
pembuka
Kepada Zhou Maharaja Wu mula
bertakhta
049. 夏传子 家天下 四百载 迁夏社
Waris anak siapa mulakan
Dinasti Xia ia menasabkan
Ratus tahun empat kirakan
Tiada semayam ia direstukan
050. 汤伐夏 国号商 六百载 至纣亡
Kepada Xia Tang pupuskan
Raja pengganti Shang dinamakan
Bertakhta nan enam ratusan
Tiada Zhou ia mampu teruskan
051. 周武王 始诛纣 八百载 最长久
Dinasti Zhou Wu bermaharaja
Mampus Zhou ialah yang kerja
Beratus lapan apalah saja?
Terpanjang waris ialah penaja
052. 周辙东 王纲堕 逞干戈 尚游说
Kota Zhou dialihtimurkan
Tiada ia berukunnegarakan
Dalam negeri perang cetuskan
Jalan keluar pendita selisihkan

053. 始春秋 终战国 五霸强 七雄出
 Dari Chungqiu lawan bermula
 Pada Zhanguo tamat berbala
 Lima Terkuat banyak melela
 Tujuh Terhebat kemudian kala
054. 嬴秦氏 始兼并 传二世 楚汉争
 Ying Qin itu orangnya
 Sarwajagat itu tanahnya
 Warisnya ayuhai satu-satunya
 Chu Han bangun membelahnya
055. 高祖兴 汉业建 至孝平 王莽篡
 Gaozu kan maharaja agung
 Dinasti Han ia mendukung
 Hingga Xiaoping tiada lagi
 menanggung
 Wang Mang ayuhai hamba
 pembendung
056. 光武兴 为东汉 四百年 终於献
 Takhta Kuangwu yang memulihkan
 Han Timur ia dinamakan
 Ratus tahun empat ia zuriatkan
 Hingga Xiandi ia menamatkan
057. 魏蜀吴 争汉鼎 号三国 迄两晋
 Wei, Shu, Wu datang menyahut
 Tampuk Han mereka rebut
 Tiga Negara zaman disebut
 Dua Jin masih berlarut
058. 宋齐继 梁陈承 为南朝 都金陵
 Song Qi saling berganti
 Liang Chen tiada berhenti
 Raja Selatan mereka rebuti
 Kota Jinglin semua berdekati
059. 北元魏 分东西 宇文周 兴高齐
 Raja Utara Wei yang mulakan
 Timur Barat ia diduakan
 Satu belah Zhou pupuskan
 Satu lagi Qi ambikkan
060. 迨至隋 一土宇 不再传 失统绪
 Kembali Sui mendatu
 Negara beransur satu
 Berwaris tiadanya laku
 Hilang berukun ratu
061. 唐高祖 起义师 除隋乱 创国基
 Dinasti Tang Gaozu mulakan
 Dengan bala ia perbetulkan
 Kacau Sui ia tenteramkan
 Tapak semayam ia asaskan
062. 二十传 三百载 梁灭之 国乃改
 Dua puluh waris banyaknya
 Tiga ratus tahun panjangnya
 Dilanggar Liang sekali-kalinya
 Beralih pucuk pimpinan jadinya
063. 梁唐晋 及汉周 称五代 皆有由
 Liang, Tang, Jin saling berganti
 Hingga Han, Zhou ia berhenti
 Dinama orang Lima Dinasti
 Sebab-musabab tersedia erti
064. 炎宋兴 受周禅 十八传 南北混
 Dari mana Song mendatang?
 Dinasti Zhou yang memulang
 Lapan belas takhta berselang
 Utara selatan kembali gongcang
065. 辽与金 皆称帝 元灭金 绝宋世
 Liao Jin dua asingan
 Sama-sama bergelar Tuan
 Kepada Jin Yuan pupuskan
 Tiada Song diberi lanjutan
066. 莅中国 兼戎狄 九十年 国祚废
 Tanah Besar Yuan takhtakan
 Negeri sempadan ia sekutukan
 Sembilan puluh tahun hinggakan
 Tiada restu ia disemayamkan

067. 太祖兴 国大明 号洪武 都金陵
Taizu naik mengguling
Diganti dinasti bernama Ming
Hongwu gelar pengiring
Dibuat kota bernama Jinling
068. 迨成祖 迁燕京 十六世 至崇祯
Chengzu itu takhta gilirnya
Yanjing itu kota pilihnya
Dengan enam belas zuriatnya
Tiada Chongzhen mampu
mengikatnya
069. 权阉肆 寇如林 至李闯 神器焚
Sebab bangsawan meliar
Fasal bangsat menular
Hingga Lichuang melanggar
Tampuk hanyutlah terbakar
070. 清太祖 膺景命 端四方 克大定
Dinasti Qing Taizu beraja
Terima ia takdir menaja
Empat hala tenteram saja
Daulat ia orang memuja.
071. 至世祖 乃大同 十二世 清祚终
Pewaris Shizu nan mega
Serata dunia merasa lega
Keduabelas tiada ia jaga
Nasab Qing berakhir juga
072. 廿五史 全在兹 载治乱 知兴衰
Ini Sejarah sekalian ada
Dinasti dua puluh berlima
Kacau tenteram siapanya raja
Pasang surut tahunya kerana
073. 读史书 考实录 通古今 若亲自
Kepada Sejarah ia bacai
Kepada catatan ia teliti
Dahulu sekarang ia lulusi
Bagai dialam mata sendiri
074. 尔小生 居南洋 历代事 尤须详
Ayuhai dinda sekalian
Kepada Nusantara bersinggahan
Susur galur nan berpanjangan
Hendaklah diambil tauhan
075. 萨迦始 列国兴 七世纪 佛逝并
Tahun Saka tahun bermula
Pasang surut banyak negara
Abad tujuh abad neraca
Bilang gemilang satu Vijaya
076. 最鼎盛 有伯夷 佛与梵 皆风行
Makmur nusa ke nusa
Majapahit nan unggul Jawa
Beriuhan Hindu dan Buddha
Ikrarnya Bhinneka Tunggal Eka
077. 改回教 列强入 尔先祖 渐此住
Dengan mimpi Allah mengislam
Dengan meriam penjajah cengkam
Atuk dinda yang silam
Datang ia saat mengelam
078. 凭空起 古城郭 由表建 今祖国
Kepada kota bangunkan ia
Melaka, Singapura dan Batavia
Kepada warga jadikan ia
Malaysia, Singapura dan Indonesia
079. 史虽繁 读有次 族与国 俩须顾
Banyak Sejarah banyak aneka
Dibaca ia menurut cara
Ada bangsa ada negara
Dijaga ia dua bersama
080. 口而诵 心而惟 朝於斯 夕於斯
Dengan mulut membaca
Dengan hati berkira
Dengan ini siang beria-ia
Dengan ini malam beria-ia

081. 昔仲尼¹ 师项橐 古圣贤 尚勤学
 Bagai Kongzi zaman dahulu
 Kepada Xiangtuo ia berguru
 Pemurni nan sudah menghulu
 Rajin belajar buat ia selalu
082. 赵中令 读鲁论 彼既仕 学且勤
 Zhao Jin perdana menteri
 Kitab *Lunyu* banyak mengkaji
 Jawatnya nan sudah meninggi
 Rajin usaha tiada ia berhenti
083. 披蒲编 削竹简 彼无书 且知勉
 Atas daun Lu Wenzhu salinkan
 Dengan buluh Gongyang Hong
 tirukan
 Teramat payah dapat bukukan
 Tahu juga mereka usahakan
084. 头悬梁 锥刺股 彼不教 自勤苦
 Kepada bubung rambut ia ikatkan
 Dengan tusuk paha ia cucukkan
 Sunjing Suqin tiada ajarkan
 Tahu juga berkerja keraskan
085. 如囊萤 如映雪 家虽贫 学不辍
 Bagai kunang-kunang dibungkus
 Dengan pancar salji menembus
 Cheyun Sunkang teramat bulus
 Kuat belajar tiadanya putus
086. 如负薪 如挂角 身虽劳 犹苦卓
 Khabar baca rakit pikulkan
 Kepada tanduk buku gantungkan
 Zhu Maiceng dan Li Mi kepayahan
 Rajin belajar tiada kurangkan
087. 苏老泉 二十七 始发愤 读书籍
 Su Laoquan itu orangnya
 Dua puluh tujuh umurnya
 Sedar akan insaf benarnya
 Dibaca kitab sekalian sudahnya
088. 彼既老 犹悔迟 尔小生 宜早思
 Ia nan sudah menua
 Lewat belajar kesalnya jua
 Dinda ayuhai jangan bersaja
 Bersiap sedia hendaklah mula
089. 若梁灏 八十二 对大廷 魁多士
 Khabar Lianghao itu namanya
 Berumur lapan puluh duanya
 Periksa istana ia mengambalnya
 Juara ia sekalian kotanya
090. 彼既成 众称异 尔小生 宜立志
 Ia nan sudah berjaya
 Ganjil aneh orang mengata
 Dinda ayuhai sekalian ada
 Tekad cita hendaklah taja
091. 莹八岁 能咏诗 泌七岁 能赋棋
 Zu Ying berumur lapan
 Puisi ia tahu iramakan
 Li Mi berumur tujuh
 Catur ia masuk lagukan
092. 彼颖悟 人称奇 尔幼学 当效之
 Ia nan handal mengerti
 Takjub kagum orang memeri
 Dinda ayuhai sekalian hati
 Contoh baik wajar ikuti
093. 蔡文姬 能辨琴 谢道韞 能咏吟
 Cai Wenji siapa orangnya
 Tanji ia tahu bezanya
 Xie Daoyun apa hebatnya
 Puisi ia tahu caranya
094. 彼女子 且聪敏 尔男子 当自警
 Ia nan dinda perempuan
 Bijak handal ia upayakan
 Dinda kan anak kelakian
 Belakang jangan maju dirikan

095. 唐刘晏 方七岁 举神童 作正字
Liuyan siapa orangnya
Berumur tujuh khabarnya
Budak ajaib tersangat bilanganya
Penyelia Kitab ia dilantiknya
100. 幼而学 壮而行 上致君 下泽民
Sejak kecil ia belajari
Hingga besar ia amali
Kepada raja ia berbakti
Kepada rakyat ia berkati
096. 彼虽幼 身已仕 尔幼学 勉而致
Ia nan sangat memuda
Jabat awam sudah berpada
Dinda ayuhai sekalian asa
Berusaha keras demi kerjaya
101. 扬名声 显父母 光於前 裕於後
Nama baik sohorkan
Ibu bapa banggaikan
Nenek moyang harum jadikan
Cucu cicit limpah adakan
097. 有为者 亦若是 尔小生 宜永志
Barang siapa orang berguna
Hendak ia sebidang cara
Dinda ayuhai sekalian ada
Mengawas biar sepanjang masa
102. 人遗子 金满赢 我教子 惟一经
Diwaris anak orang jelata
Dengan perkakas emas merata
Kepada anak saya bercara
Kitab satu teramat raya
098. 犬守夜 鸡司晨 苟不学 曷为人
Malam anjing bercega
Fajar ayam terjaga
Belajar tiada adinda
Menjadi apalah manusia?
103. 勤有功 戏无益 戒之哉 宜勉力
Rajin membawa berkat
Senang tiada berhikmat
Adinda sekalian ingat
Usahalah sepanjang hayat
099. 蚕吐丝 蜂酿蜜 人不学 不如物
Kepada sutera ulat ludahkan
Kepada madu lebah membuatkan
Tiada ayuhai orang latihkan
Serangga apalah ia melayakkan

(Sumber asal karya ini adalah dalam bahasa Cina dengan judul **三字经**)

Penterjemah: Tee Boon Chuan, Ph D
Jabatan Pengajian Cina,
Universiti Tunku Abdul Rahman
Petaling Jaya

Emel: teebc@utar.edu.my